



SIARAN SERTA MERTA
MOTAC.100-2/1/18 JLD4 (53)

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

SIARAN MEDIA

**PENGIKTIRAFAN AT-TARIKH SALASILAH NEGERI KEDAH:
GENEALOGICAL HISTORY OF KEDAH STATE DAN THE ROYAL
CORRESPONDENCE OF BAGINDA OMAR (SURAT PERSENDIRIAN
BAGINDA OMAR) DI BAWAH PROGRAM MEMORY OF THE WORLD
ASIA-PACIFIC REGIONAL REGISTER (MOWCAP)**

10 Mei 2024 – Malaysia sekali lagi telah berjaya mengukir kejayaan di persada dunia dengan penyenaraian dua dokumentari warisan di bawah *Memory of the World Committee for Asia and the Pacific (MOWCAP) Regional Register* setelah kali terakhir menerima pengiktirafan di bawah program yang sama pada tahun 2023. Keputusan pengiktirafan manuskrip ini telah diumumkan pada 8 Mei 2024 jam 2.00 petang (waktu Malaysia) oleh Linh Anh Moreau, Setiausaha Agung MOWCAP semasa sesi Mesyuarat Agung *Memory of the World Asia Pacific Regional Register (MOWCAP)* ke-10 yang berlangsung pada 6 hingga 10 Mei 2023 di Ulaanbaatar, Mongolia.

Kejayaan ini diputuskan selepas pembentangan akhir oleh wakil Jabatan Warisan Negara (JWN) semasa mesyuarat berlangsung dan telah mendapat rekomendasi pihak *Register Sub-Committee (RSC)* iaitu badan penasihat UNESCO. Seterusnya turut melalui proses undian dan sokongan daripada 23 buah Negara Anggota yang menghadiri sesi mesyuarat.

YBhg. Dato' Jaafar Sidek bin Hj Abdul Rahman, Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia (ANM), merupakan Ketua Delegasi Malaysia bersama dengan pegawai-pegawai daripada ANM dan JWN.

At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah: *Genealogical History of Kedah State* dan *The Royal Correspondence of Baginda Omar* (Surat Persendirian Baginda Omar) telah disenaraikan bersama-sama dengan 18 pencalonan daripada negara lain MOWCAP *Regional Register*. Penyenaraian di bawah MOWCAP *Regional Register* merupakan pengiktirafan tertinggi di peringkat Asia Pasifik bagi kategori manuskrip dan dokumentari warisan. Selain dapat memberikan promosi dan meningkatkan visibiliti Malaysia di peringkat antarabangsa, pengiktirafan ini juga memperlihatkan komitmen negara dalam melindungi dokumentari warisan di Malaysia, yang merupakan salah satu aset warisan sejarah negara yang penting serta lambang identiti bangsa. Pengiktirafan ini juga akan dapat mengukuhkan lagi hubungan serta jaringan kerjasama antara Malaysia, pihak MOWCAP dan Negara Anggota yang lain dalam hal-hal berkaitan pemeliharaan dan perlindungan manuskrip dan dokumentari warisan. MOTAC melihat pengiktirafan ini satu aset tarikan pelancong sebagai produk berasaskan warisan.

Dengan pengiktirafan At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah: *Genealogical History of Kedah State* dan *The Royal Correspondence of Baginda Omar* (Surat Persendirian Baginda Omar), Malaysia secara keseluruhannya telah berjaya menyenaraikan sembilan (9) dokumentari warisan di bawah program *Memory of the World* iaitu enam (6) di bawah *International Register* yang berpusat di UNESCO Paris dan tiga (3) di bawah *Regional Register* yang berpusat di Seoul, Republik Korea. Pengiktirafan di bawah *International Register* adalah terdiri daripada: Surat-surat Sultan Abdul Hamid (2001), Sejarah Melayu (2001) dan Hikayat Hang Tuah (2001); Batu Bersurat Terengganu (2009), Manuskrip Cerita Panji (2017) dan yang terkini Misa Melayu MSS 6 (2023). Manakala bagi *Memory of the World Committee for Asia and the Pacific* (MOWCAP) *Regional Register*, satu pengiktirafan telah berjaya diperolehi sebelum ini iaitu Kitab Tib Ilmu Bedil MS 101 pada tahun 2016.

At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah: *Genealogical History of Kedah State*, merupakan karya historiografi, yang mengandungi sejarah asal-usul kesultanan dan pembentukan Negeri Kedah yang mana turut mengetengahkan evolusi karya pensejarahan oleh penulis istana Kesultanan Melayu Kedah pada awal kurun ke-12. Manakala *The Royal Correspondence of Baginda Omar* (Surat Persendirian Baginda Omar) merupakan koleksi dokumen rasmi dan persendirian yang merekodkan peristiwa penting dalam sejarah Terengganu.

Melihat kepada kepentingan kedua-dua naskah ini, dokumen pencalonan At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah: *Genealogical History of Kedah State* dan *The Royal Correspondence of Baginda Omar* (Surat Persendirian Baginda Omar) telah dikemukakan kepada pihak Sekretariat UNESCO pada 15 September 2023 bagi sesi penilaian tahun 2024. Pencalonan ini telah dibuat hasil keputusan Mesyuarat *Memory of the World* Bil.2/2023 yang dihadiri oleh semua Ahli Jawatankuasa *Memory of the World* Kebangsaan dan dipengerusikan serta difasilitasi penyediaan dokumen pencalonan oleh pihak Jabatan Warisan Negara, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC). *The Royal Correspondence of Baginda Omar* (Surat Baginda Omar) adalah merupakan hasil cadangan pihak ANM. Manakala At-Tarikh Salasilah Negeri Kedah telah dicadangkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

MOTAC menerusi JWN mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak atas sokongan dan kerjasama yang telah diberikan oleh pelbagai agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, terutama sekali pihak ANM dan DBP, selaku penjaga bagi manuskrip tersebut serta pakar berkaitan dalam membantu melengkapkan dokumen pencalonan. Di samping itu, setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) termasuk pihak Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) sepanjang tempoh proses pencalonan tersebut.

Pengiktirafan ini merupakan satu permulaan yang mana tanggungjawab yang perlu dipikul oleh semua pihak tidak kira kerajaan, swasta, NGO, komuniti atau individu di Malaysia untuk memastikan warisan negara ini terus dilindungi dan diwarisi kepada generasi akan datang sebagai lambang identiti dan jati diri bangsa. Diharapkan pengiktirafan ini dapat menjadi inspirasi seluruh dunia dan rakyat ke arah memperkukuhkan Malaysia MADANI.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-88917181

Website: www.motac.gov.my Email: info@motac.gov.my

Facebook, Instagram & Twitter: @mymotac